

Penduduk diarah pindah

24 7/12/09 MS 8

Pergerakan tanah masih berlaku di kawasan perumahan berhampiran

Banglo Tertimbus
Taman Bukit Mewah,
Hulu Klang



KUALA LUMPUR: Polis mengarahkan 3,000 hingga 5,000 penduduk di kawasan perumahan bertingkat berhampiran lokasi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa supaya segera dipindahkan ke kawasan selamat.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata Kor Kejuruteraan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membuat laluan pejalan kaki bagi tujuan memindahkan penduduk terabit.

Namun, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, yang turut melawat tempat kejadian berkata ada penduduk berdegil dan enggan berpindah.

“Kita meminta penduduk berhampiran berpindah kerana dilaporkan masih ada pergerakan tanah berlaku,” katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan Selangor menyediakan penempatan sementara untuk mereka.

Kejadian tanah runtuh jam 4 pagi itu mengakibatkan jalan utama ke kawasan perumahan terabit terputus dan beratus orang terperangkap di Bukit Antarabangsa.

Mereka yang terperangkap dan juga pasukan penyelamat terpaksa menggunakan Jalan Wangsa 9 sebagai jalan alternatif memandangkan jalan utama ke kawasan itu tidak dapat dilalui.

Sehingga kini, polis mengesahkan tiga orang terkorban dalam kejadian itu yang meranapkan 14 banglo di Taman Bukit Mewah dan Ta-



ANGGOTA keselamatan membantu penduduk pindah selepas arahan mengosongkan kediaman.

“Pasukan polis dan tentera berusaha mengalihkan air sungai yang tetimbus akibat runtuh tanah untuk elak limpahan”

Musa Hassan
Ketua Polis Negara

man Bukit Utama, manakala tujuh lagi mangsa dikatakan tertimbus.

Musa berkata, sebuah sungai berhampiran kawasan kejadian turut tertimbus akibat runtuh tanah itu menyebabkan airnya melimpah.

“Pasukan polis dan tentera sedang berusaha untuk mengalihkan air sungai itu ke tempat lain,” katanya.

Lima lori dilihat dibawa



MANGSA tanah runtuh menggunakan jalan pintas untuk keluar dari kawasan bencana.

masuk untuk mengangkut keluar pasir yang dikorek dari sungai itu.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Datuk Muhammad Jacob, berkata kira-kira 1,000 penduduk dari kawasan terabit akan ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara.

Beliau berkata, mereka dipindahkan ke Pejabat Penghulu Hulu Klang, Sekolah Ke-

bangsaan Hulu Klang dan Surau Bukit Antarabangsa.

“Taman Bukit Mewah dan Taman Bukit Jaya dibina sebelum MPAJ ditubuhkan lagi. Kita mengenal pasti empat pemaju terabit dalam pembinaan unit kediaman di kawasan ini, bagaimanapun, setakat ini kami hanya mengenal pasti dua daripadanya,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini, semalam.